

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 19/03/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 18

Tajuk : Aktif koperasi, kurang beban kos sara hidup : ANGKASA

Aktif koperasi, kurang beban kos sara hidup: Angkasa

KUANTAN - Kepyahan hidup disebabkan kos sara hidup tinggi, boleh diatasi melalui pembabitian aktif dalam gerakan koperasi di-kendalikan Angkatan Koperasi Kebangsaan (Angkasa).

Presidennya, Datuk Abdul Fatah Abdullah berkata, itu antara cadangan dikemukakan ketika menghadiri mesyuarat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup yang ditubuhkan kerajaan, baru-baru ini.

Menurutnya, pihaknya sedia mengambil alih dan berperanan sebagai orang tengah bagi mengenal pasti punca kenaikan harga barangan ketika ini.

"Kita (Angkasa) bersedia terlibat dengan sektor peruncitan dan pemborong dalam usaha menyediakan barangan keperluan asas

pada harga lebih kompetitif.

"Sebenarnya perkara ini sudah lama disuarakan ketika kali pertama saya menghadiri mesyuarat berkenaan. Saya percaya kita boleh atasi masalah ini (beban kos sara hidup) jika koperasi mengambil alih peranan dimainkan pemborong ketika ini," katanya selepas merasmikan Sesi Dialog Bersama Pengetua-pengetua Sekolah Pahang, semalam. Hadir sama, Timbalan Presiden Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail.

Sementara itu, Abdul Fatah berkata, kira-kira 300 koperasi di sekolah menengah seluruh negara dikenalpasti mampu mencapai perolehan lebih RM1juta sehingga akhir 2020.

Menurutnya, semua sekolah itu berjaya mencatatkan nilai perolehan melebihi RM300,000 setahun pada 2017.

"Berdasarkan statistik direkodkan setakat hari ini, ada 50 koperasi memperolehi perolehan lebih RM500,000 dan 25 daripadanya dikenal pasti sudah mencapai perolehan RM1juta," katanya.



Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA